

NAMA:..... TINGKATAN :.....

1103/1
BAHASA MELAYU
Kertas 1
Oktober
2 jam



**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
TAHUN 2023**

**BAHASA MELAYU
Kertas 1
Dua jam lima belas minit**

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan satu soalan daripada **Bahagian B**.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 4 halaman bercetak

Bahagian A

[30 markah]

Soalan ini mesti dijawab

Maklumat di bawah menunjukkan sikap pemandu yang menyebabkan kemalangan jalan raya sering berlaku di tempat tinggal anda.

Sebagai penduduk yang prihatin, tulis **sepucuk surat kiriman rasmi** kepada pihak berkuasa untuk mengadukan masalah tersebut agar tindakan sewajarnya dapat diambil.

Panjangnya surat anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

<p>Memandu melebihi had laju di kawasan perumahan</p> 	<p>PENGGUNAAN TELEFON BIMBIT SEMASA MEMANDU</p>  <p>Pemandu hilang tumpuan terhadap pemanduan</p> 
 <p>TIDAK MEMATUHI LAMPU ISYARAT</p> <p>Mengabaikan lampu isyarat merah boleh menyebabkan kemalangan</p>	

BAHAGIAN B*[70 markah]*

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1

Aktiviti melancong sering dijadikan sebagai aktiviti untuk merehatkan minda daripada kesibukan kerja dan urusan seharian individu. Selain mengisi masa lapang, pelbagai ilmu pengetahuan dan pengalaman juga akan diperoleh semasa melawat ke tempat-tempat menarik di dalam atau di luar negara. Aktiviti melancong juga dapat mengeratkan hubungan antara ahli keluarga.

Sumber : Internet

Berdasarkan petikan di atas, bincangkan pelbagai manfaat aktiviti melancong kepada individu.

2

Kerajaan akan mengukuhkan sektor pertanian sebagai sebahagian daripada inisiatif strategiknya untuk mempercepat transformasi berstruktur. Produktiviti pertanian yang lebih tinggi akan memberikan hasil tiga kali ganda iaitu jaminan makanan yang mampan, sumber manusia yang lebih produktif dan penggunaan tanah serta air yang lebih cekap.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada
Sinar Harian, 14 Jun 2022

Huraikan usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk memajukan sektor pertanian di Malaysia.

3

Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) telah mengeluarkan kenyataan bahawa hidupan liar seperti harimau, orang utan dan tapir merupakan antara haiwan yang diancam kepupusan di negara ini. Kenyataan ini secara jelas menunjukkan bahawa banyak hidupan liar semakin terancam akibat peningkatan suhu dunia.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada
Buku Teks Bahasa Melayu KSSM Tingkatan 5,
Dewan Bahasa dan Pustaka, 2020

Selain faktor yang dinyatakan di atas, bincangkan faktor-faktor yang menyebabkan haiwan liar semakin pupus.

4

Malaysia pernah menjadi tuan rumah Sukan SEA, Sukan Komanwel Kejohanan Badminton Piala Thomas dan Kejohanan Hoki Piala Dunia. Negara kita turut menjadi tuan rumah sukan permotoran dan kejohanan lumba basikal antarabangsa. Pemilihan negara sebagai tuan rumah secara tidak langsung telah menarik kedatangan pelancong dari luar negara sekali gus menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan meningkatkan infrastruktur sukan di Malaysia.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada
Sukan Antarabangsa dalam Negara,
Buletin Sinar Bestari, 7 Disember 2022.

Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan pelbagai kebaikan penganjuran sukan bertaraf antarabangsa kepada negara kita.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT